

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN HAJI AHMAD LAI BIN
BUJANG [SIBUTI]**

TARIKH : 16 NOVEMBER 2015

SOALAN :

YB Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan adakah pihak Kementerian mempunyai cadangan untuk membina perpustakaan daerah bagi daerah baru Subis dan apakah alternatif yang boleh dicadangkan oleh pihak kementerian untuk membolehkan penduduk luar bandar di Bekenu dan Niah dalam Parlimen Sibuti mendapatkan sebuah perpustakaan berkualiti bagi memenuhi keperluan rakyat luar bandar mendapat bahan bacaan dan tempat bacaan berkualiti daripada Kerajaan Persekutuan.

JAWAPAN : **DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa berusaha untuk memenuhi keperluan rakyat bagi mendapat kemudahan infrastruktur termasuk perkhidmatan perpustakaan dan maklumat khususnya di kawasan luar bandar.

Sehubungan dengan itu, sejak tahun 1991 hingga kini, Kerajaan telah membina sebanyak 1,124 buah perpustakaan desa di seluruh negara. Daripada jumlah ini, sebanyak 614 buah Perpustakaan Desa telah dibina di bawah Peruntukan Pembangunan (RMKe-6 hingga RMKe-8) yang diurus tadbir oleh Perpustakaan Awam Negeri (PAN) dan Pihak Berkuasa Tempatan, manakala 510 buah Perpustakaan Desa telah dibina bawah Peruntukan Khas Belanja Mengurus Kerajaan Persekutuan.

Di negeri Sarawak sahaja terdapat sebanyak 274 buah perpustakaan yang terdiri daripada sebuah Perpustakaan Awam Negeri, sebuah Perpustakaan Wilayah, 49 buah Perpustakaan Pekan, 212 buah Perpustakaan Desa dan 8 buah perkhidmatan bas perpustakaan bergerak.

Di daerah Subis yang berada dalam kawasan Parlimen Sibuti terdapat 2 buah perpustakaan awam iaitu Perpustakaan Awam Bekenu dan Perpustakaan Awam Batu Niah serta 2 buah perpustakaan desa iaitu Perpustakaan Desa Kampung Kuala Nyalau Lambir dan

Perpustakaan Desa Kampung Tegageng bagi menampung keperluan hampir 20,000 orang penduduk. Justeru, kementerian tidak bercadang untuk membina perpustakaan awam baharu bagi memberi peluang kepada kawasan parlimen yang lain.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**TARIKH : 16 NOVEMBER 2015
[ISNIN]**

**DARIPADA : Y.B. DATUK LIANG TECK MENG
[SIMPANG RENGAM]**

SOALAN :-

**Y.B. DATUK LIANG TECK MENG [SIMPANG RENGAM] minta
MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN
KERAJAAN TEMPATAN menyatakan :-**

- (a) usaha Kementerian dalam mengawal harga rumah yang semakin melampau sehingga ramai rakyat Malaysia tidak mampu membeli; dan
- (b) berapakah jumlah rumah mampu milik yang telah dibina oleh Kementerian sejak 2013 mengikut setiap negeri.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kenaikan harga rumah dipengaruhi oleh pelbagai faktor antaranya adalah kos tanah, kos bahan binaan dan buruh serta aktiviti spekulasi.

Malaysia mengamalkan sistem pasaran ekonomi bebas dan ianya turut melibatkan sektor hartanah dalam negara. Pelbagai bentuk inisiatif dan insentif telah diperkenalkan oleh Kerajaan bagi memastikan kestabilan harga rumah. Berdasarkan Laporan Pasaran Harta 2014, peningkatan harga rumah dilaporkan terkawal dengan kadar peningkatan yang lebih perlahan berbanding beberapa tahun sebelumnya. Ia adalah hasil usaha berterusan yang diambil oleh Kerajaan untuk membendung spekulasi harga rumah.

Antara inisiatif yang berkesan untuk menstabilkan harga rumah adalah dengan meningkatkan bekalan rumah dalam pasaran. Oleh itu, Kerajaan telah menyasarkan pembinaan 1 juta unit

rumah mampu milik (dalam tempoh 2013 - 2018) yang digerakkan oleh pelbagai sektor awam dan swasta.

Pendekatan lain yang diambil oleh Kerajaan adalah dengan menangani aktiviti spekulasi seperti berikut:

- (i) Menaikkan Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT);
- (ii) Meningkatkan harga jualan minimum hartanah oleh warga asing daripada RM500,000 kepada RM1juta per unit;
- (iii) Meningkatkan ketelusan harga jualan di mana pemaju dikehendaki mempamerkan secara terperinci butiran jualan termasuk semua manfaat / insentif yang akan diberikan kepada pembeli;
- (iv) Melarang pemaju melaksanakan kaedah *Developer Interest Bearing Scheme* (DIBS);

- (v) Mewajibkan semua pemaju melaporkan sebarang aktiviti pembelian pukal melebihi 4 unit hartanah dalam satu pemajuan oleh mana-mana individu mahupun syarikat; dan
 - (vi) Bank Negara Malaysia (BNM) telah mengeluarkan panduan LTV (Loan To Value) yang menetapkan bahawa hanya 70% pinjaman akan diberikan kepada setiap pembelian rumah ketiga dan seterusnya. Selebihnya, pembeli perlu menanggung sendiri.
- (b) Sejak tahun 2013, Kementerian telah menyiapkan sebanyak 14,200 unit rumah mampu milik, sebanyak 18,533 unit di dalam pelbagai peringkat pembinaan manakala sebanyak 17,289 unit lagi dalam peringkat perancangan.